

TARIKH : 12 OGOS 2021

PERKARA: SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (SPP)

Temuduga Pegawai Perkhidmatan Pendidikan DG41 'One-Off'



Seperti yang kita sedia maklum bahawa permohonan bagi Pegawai Pendidikan Gred DG41 secara 'One-Off' telahpun dibuat bermula pada 7 Julai 2021 dan tutup pada 21 Julai 2021 lepas. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia kini masih dalam proses pengambilan untuk memenuhi sebanyak 18,702 kekosongan jawatan Pegawai Pendidikan Gred DG41 di seluruh Malaysia yang membabitkan mata pelajaran tertentu di setiap negeri.

Ramai diantara graduan di seluruh Malaysia yang telah menghantar permohonan untuk memohon menjadi guru melalui portal rasmi SPP. Menurut pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP), mereka menerima permohonan melebihi dua (2) kali ganda cadangan Pengambilan Khas Pegawai Perkhidmatan (PPP) Gred DG41 secara ‘One-Off’ melalui portal mySPP sehingga tarikh tutup pada 21 Julai 2021 lepas.

Proses Pengambilan Pegawai Pendidikan Gred DG41

Permohonan – Ujian – Temuduga – Penempatan Secara Berperingkat

Iklan Pengambilan Khas Guru



Penempatan

Penempatan bagi pengambilan guru secara ‘One-Off’ akan dilaksanakan secara berperingkat pada Oktober 2021 nanti.



Tarikh Temuduga Guru ‘One-Off’

Berikut adalah kenyataan yang dikeluarkan oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) mengenai Pengambilan Khas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred41 secara ‘One-Off’ serta tarikh temuduga.

Menurut pihak SPP, pelaksanaan temuduga akan dijangka akan dijalankan bermula pada hujung bulan Ogos 2021.



Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan

2 August at 12:49 ·

...

Hebahan Umum.

Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) telah menerima permohonan melebihi dua (2) kali ganda jumlah cadangan Pengambilan Khas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG41 secara ‘One Off’ melalui portal mySPP sehingga tarikh tutup pada 21 Julai 2021.

Buat masa ini, SPP sedang dalam proses menyemak permohonan yang diterima, di mana daripada jumlah keseluruhan tersebut terdapat lebih 36 ribu adalah permohonan daripada graduan dan bakal graduan yang memiliki Ijazah atau Diploma dalam bidang Pendidikan.

Pelaksanaan temu duga bagi urusan pengambilan ini dijangka bermula pada hujung bulan Ogos 2021.

Sekian, untuk makluman.